WAKAF

PELABURAN

TERAS PEMBANGUNAN EKONOMI ISLAM

DALAM MENYEBARKAN RAHMAT KE SELURUH ALAM

PROF. MADYA DR. ISMAIL LUTFI FATONI

KATA PENGANTAR

Alhamdulillah telah terbit sebuah buku yang bakal memberi panduan kepada ummatnya bagi membentuk kehidupan perekonomian yang bakal memberi rahmat kepada segala isi alam.

Kemunculan buku ini memang sesuai ketika sistem perekonomian kapitalis sedang menghancurkan peradaban dunia.

Wakaf merupakan suatu institusi perekonomian Islam yang telah terbukti berjaya membangunkan peradaban Islam sebelum ini. Ianya telah lama ditinggalkan umat Islam yang terikut-ikut dengan ekonomi kapitalis. Wakaf pada zaman kegemilangan Islam telah berjaya melahirkan peniaga dan individu yang meletakkan kepentingan umum melebihi kepentingan individu.

Wakaf merupakan ajaran Islam yang agak dilupakan umatnya. Malah banyak yang memahaminya dalam bentuk yang melibatkan hanya akhirat dan tidak mempengaruhi perekonomian keduniaan manusia.

Buku yang menjelaskan persoalan Wakaf dan perlaksanaannya ini begitu mudah difahami. Ianya boleh menjadi panduan ringkas bagi umat Islam dalam memahami perekonomian wakaf. Ia membuka minda pembacanya agar memahami wakaf yang mempengaruhi kehidupan dunia dan persediaan kehidupan akhirat.

Penulis merupakan seorang yang telah lama berkecimpung dalam bidang perekonomian waqaf sehingga berjaya membina sebuah universiti berasaskan wakaf di selatan Thai. Penulis telah menggagaskan suatu bandar yang menggabungkan antara Wakaf dan perdagangan yang dinamakan Madinah asSalam. Malah penulis juga telah mengilhamkan

konsep wakaf pelaburan iaitu wakaf yang punya nilai keuntungan dalam sebuah projek pasaraya di Madinah asSalam dinamakan Asean Mall. Sememangnya penulis merupakan insan yang paling layak dari segi keilmuan dan pengalaman dalam menghasilkan buku berkenaan wakaf.

Saya berharap buku ini menjadi pencetus kepada perlaksanaan program wakaf di zaman ini. Adalah diharapkan agar lebih banyak buku-buku kajian kes wakaf ditulis bagi menyusuli buku ini.

Jamal Mohd Amin
Founder UNITI ASIA
Presiden Kolej UNITI
17 Oktober 2019

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

إِنَّ اَلْحَمْدُ للهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِيْنُهُ وَنَسْتَهْدِيْهِ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَتُوْبُ إِلَيْهِ، وَنَعُوْذُ بِاللهِ مِنْ شُرُوْرِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِهِ اللهُ فَلاَ مُضِلَّ لَهُ، وَمَنْ يُضْلِلْ فَلاَ هَادِيَ لَهُ. وَأَشْهَدُ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ، اَللهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا وَحَبِيْبِنَا اَلْمُصْطَفَى مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ.

Alhamdulillah, dengan izin Allah dapat penulis sediakan sebuah buku kecil tentang "**Wakaf Pelaburan; Teras Pembangunan Ekonomi Islam dalam Menyebarkan Rahmat ke seluruh Alam**". Buku ini merupakan bahan perbincangan khas untuk ikhwah dan akhawat dalam Seminar Asia Pacific Regional Development Community Business Convention (RDCBiZ), di Kuala Lumpur Malaysia pada Rabu 24 Safar 1441 H. bersamaan 23 Oktober 2019.

Penulis berharap semoga syariat Allah tentang wakaf dan sedekah jariah dapat diamalkan oleh umat Islam dalam setiap lapisan masyarakat, sama ada dalam kalangan individu, keluarga, usahawan-usahawan swasta dan kerajaan, persatuan-persatuan, syarikat-syarikat dan sebagainya demi pembangunan ekonomi Islam dan kemajuan ummatan wahidah di dunia dan di akhirat.

Penulis berdoa semoga Allah memberkati usaha kecil ini. Penulis juga ingin merakamkan ucapan terima kasih dan jazakumullahu khairan kepada semua pihak yang memberi saham dan kerjasama dalam

mengeluar dan menyebarkan buku ini khasnya kepada Dr. Suraiya binti Nik Ibrahim, ustaz Usman Idris dan Datuk Dr. Jamal Amin, amin.

وَصَلَّى اللهُ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.

Prof. Madya Dr. Ismail Lutfi Japakiya
Rektor Universiti Fatoni, Thailand
15 Safar 1441 H/14 Oktober 2019

PENGENALAN

Wakaf merupakan syariat Allah dan sunnah Rasulullah ﷺ yang sangat mulia. Maka, umat Islam perlu mempelajari, memahami dan menghayati wakaf dengan baik. Hal ini kerana wakaf merupakan sebaik-baik harta sedekah dan sebanyak-banyak manfaat harta benda di dunia dan di akhirat. Untuk memahami tujuan wakaf, buku ini akan membincangkan konsep dan kelebihan wakaf secara keseluruhannya berdasarkan Al-Quran dan As-Sunnah.

(1) PENGERTIAN WAKAF

"WAKAF" dari segi bahasa ialah berasal daripada perkataan Arab yang bermaksud "mengurung atau menahan".[1]

"WAKAF" dari segi syarak ialah menahan asal sesuatu daripada jual beli dan milik pusaka serta memaju dan membelanjakan hasilnya pada jalan kebaikan dan kebajikan.[2]

Tujuan wakaf adalah untuk taqarrub (mendekati) kepada Allah dan mendapat pahala hanya daripada Allah.

Pengertian wakaf dari segi syarak, ternyata menunjukkan bahawa Islam menggalakkan supaya umatnya berusaha menghasilkan manfaat (samarah) daripada harta wakaf, bukan dibiarkan bersahaja tanpa hasil yang dapat diguna atau dibelanjakannya.

[1] Tahzib Al-Lughah 9/333, Lisan Al-Arab 9/359.

[2] Lihat Al-Majmuk bagi Annawawi, Al-Mughni bagi Ibnu Qudamah 8/184.

Itulah di antara ciri-ciri harta wakaf yang merupakan bahan pelaburan atau *Istismar* (استثمار) atau *investment* yang bukan sekadar semata-mata untuk mencari keuntungan dari sudut kebendaan sahaja, tetapi ia merupakan kekuatan, keberkatan dan keuntungan maknawi yang cukup tinggi dan berharga di dunia dan di akhirat.

Wakaf ialah istilah khas bagi Islam yang belum diguna pakai oleh umat sebelumnya. Sebenarnya, pernyataan tentang wakaf kepada umat terdahulu dan umat sekarang sudah hampir sama dengan pernyataan wakaf di dalam Islam.[3]

Wakaf merupakan sebahagian daripada sedekah yang digalakkan oleh Islam supaya diamalkan oleh umat-Nya. Demi Allah, wakaf dijadikan sebagai sumber hasil yang berkekalan dan mendapat keberkatan dalam pembiayaan sesuatu rancangan kebajikan dalam masyarakat; seperti membina, memaju, membaiki dan mengurus masjid, sekolah, jamiah (universiti) dan menjalankan kegiatan-kegiatan yang berkaitan dengannya. Antaranya, bantuan kepada pelajar dalam semua bidang ilmu, anak cucu, kaum kerabat (saudara mara), anak yatim, fakir miskin, keperluan masyarakat dan negara dalam semua lapangan termasuk keperluan pentadbiran negara, pendidikan, ekonomi, politik, binatang ternakan seperti burung dan sebagainya. Semua kegiatan kebajikan ini merupakan saham penting bagi pembangunan dan kemajuan "Ummatan Wahidah" di dunia dan di akhirat.

Wakaf dalam istilah hadis ialah **"صدقة جارية"** yakni sedekah yang manfaatnya sentiasa mengalir berterusan dalam memberi yang tidak

[3] Lihat Al-Um bagi Asy-Syafii 4/72, Fathul Bari bagi Al-Asqalani 5/403, Hasyiah Asy-Syarwani Ala Tuhfatu Al-Muhtaj 6/236, Hasyiah Raddu Al-Muhtar bagi Ibnu Abidin 4/337, Matalib Uli An-Nuha 4/270.

pernah putus sama ada yang berbentuk pahala untuk pelakunya (tuannya) hak wakif **"الواقف"** semasa hidup atau matinya, sama ada yang berbentuk hasil tambahan yang berkat untuk kegunaan dalam urusan dunia yang diwakaf untuknya **"الموقوف عليه"** seperti universiti, pelajar, anak yatim atau anggaran belanja untuk sebuah badan atau kerajaan.

(2) SYARA' WAKAF

Syarak wakaf (hukum wakaf) adalah daripada Al-Quran, As-Sunnah dan Ijma'.

1- ALQURAN

Firman Allah:

﴿ لَن تَنَالُوا۟ ٱلْبِرَّ حَتَّىٰ تُنفِقُوا۟ مِمَّا تُحِبُّونَ ۚ ﴾[4]

Maksudnya: Kamu tidak akan mencapai kebaikan sehingga kamu menginfak atau membelanjakan sebahagian harta daripada yang kamu sayangi.

Setelah diturunkan ayat tersebut; Datanglah kepada Rasulullah ﷺ, seorang sahabat yang bernama Abu Talhah iaitu Tuan kebun tamar (kurma) yang terletak di kawasan yang berhampiran dengan Masjid Nabawi. Beliau terus berkata: "Wahai Rasulullah ﷺ, sesungguhnya Allah berfirman:

﴿ لَن تَنَالُوا۟ ٱلْبِرَّ حَتَّىٰ تُنفِقُوا۟ مِمَّا تُحِبُّونَ ۚ ﴾

[4] Surah Ali- Imran: 92.

Maksudnya “Kamu tidak akan mendapat atau mencapai kebaikan sehingga menginfak atau membelanjakan sebahagian daripada harta yang kamu sayangi”. Sesungguhnya, harta benda yang paling ku sayangi ialah Kebun *Bairuhak*.

وَإِنَّهَا صَدَقَةٌ لِلَّهِ أَرْجُو بِرَّهَا وَذُخْرَهَا عِنْدَ اللهِ

Maksudnya: Dan sesungguhnya aku jadikan kebunku *Bairuhak* sedekah untuk Allah (sedekah jariah). Aku mengharapkan kebaikannya dan simpanan pahala di sisi Allah.

فَضَعْهَا يَا رَسُولَ اللهِ حَيْثُ أَرَاكَ اللهُ

Maka jadikanlah kebun ini di tempat yang Allah tunjukkan kepadamu. Lalu Rasulullah ﷺ bersabda:

بَخْ، ذَلِكَ مَالٌ رَابِحٌ، ذَلِكَ مَالٌ رَابِحٌ. وَقَدْ سَمِعْتُ مَا قُلْتَ وَأَنَا أَرَى أَنْ تَجْعَلَهَا فِي الْأَقْرَبِيْنَ

Maksudnya: Baik, itulah harta benda yang beruntung, itulah harta benda yang beruntung, sesungguhnya aku telah mendengar lafaz wakaf kamu itu wahai Abu Talhah, dan sesungguhnya aku nampak bahawa kamu jadikannya (sebagai wakaf zurri atau ahli). Untuk fakir miskin daripada kaum kerabatmu (saudara maramu). Lalu Abu Talhah berkata: Aku lakukan ya Rasulullah ﷺ. Maka beliau membahagikan kebun itu dalam kalangan kaum kerabatnya dan para sepupunya. Antaranya ialah Hassan bin Sabit dan Ubai bin Ka’ab,[5] sebagai harta waqaf untuk mereka.[6]

[5] Hadis Sahih al-Bukhari /4555, Fathu al-Bari bagi Al-Asqalani 5/380, 8/224.

[6] Hadis Muttafaq Alaih: Sahih al-Bukhari /1461, Sahih Muslim /998.

Daripada hadis tersebut, didapati ada beberapa pengajaran. Antaranya:

1. Kesan ajaran al-Quran dalam mendidik para sahabat رضي الله عنهم pada zaman Rasulullah ﷺ adalah jelas dan menyeluruh, sama ada lelaki atau perempuan, individu, ahli keluarga, masyarakat dan negara. Sehingga para pekebun dan pengembala-pengembala binatang ternakan. Masya Allah, itulah masyarakat Muhammad Rasulullah ﷺ dalam menerima ajaran al-Quran sebagai cara hidup manusia dalam semua lapangan.
2. Sedekah yang dimaksudkan dalam hadis ini ialah sedekah jariah iaitu wakaf. Oleh kerana itu Abu Talhah berkata: (sedekah lillah), yakni sedekah jariah yang mengharapkan balasan pahala daripada Allah. Kemudian diserahkan kepada Rasulullah ﷺ untuk meneruskan sedekah tersebut secara wakaf, kerana wakaf adalah sebaik-baik sedekah. Wallahu A'lam.
3. Amat besar pengorbanan infak dari kalangan para sahabat, kerana besarnya iman mereka.
4. Sebaik-baik perkara yang diwakafkan ialah perkara yang terbaik atau yang disayangi.
5. Harta benda yang diwakafkan merupakan harta benda yang beruntung. Kerana Rasulullah ﷺ bersabda:

ذَلِكَ مَالٌ رَابِحٌ

Maksudnya, itulah harta benda yang beruntung. Kerana besar kelebihannya di dunia dan di akhirat.

6. Harta benda wakaf untuk kaum kerabat (saudara mara) yang mewakafkannya, khususnya keluarga yang miskin (yakni wakaf ahli),

adalah lebih diutamakan daripada yang lain. Sebab itulah, Rasulullah ﷺ mengarahkan Abu Talhah supaya berbuat demikian.

7. Wakaf adalah terhenti kepada lafaz dan niat, seperti:

إِنَّهَا صَدَقَةٌ لِلَّهِ

Maksudnya: Sesungguhnya kebun aku itu adalah sedekah (jariah) kerana Allah.

8. Wakaf dilakukan pada harta yang bermanfaat serta mendatangkan manfaat yang berpanjangan dan berterusan kepada pihak yang mewakafkannya. Itulah di antara makna (jariah). Wallahu A'lam.

2- AS-SUNNAH

i. Sabda Rasulullah ﷺ:

إِذَا مَاتَ الْإِنْسَانُ انْقَطَعَ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثٍ: صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ، أَوْ عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ، أَوْ وَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُوْلَهُ[7]

Maksudnya, apabila seorang manusia mati (meninggal dunia), maka terputuslah segala amalannya kecuali salah satu dari tiga perkara:

1. Sedekah jariah iaitu wakaf
2. Atau ilmu pengetahuan yang dimanfaatkannya
3. Atau anak soleh yang berdoa kepadanya

Annawawi berkata: Para ulama berkata: Makna hadis ini ialah, sesungguhnya amalan seseorang yang telah meninggal dunia itu terputus pahalanya dengan sebab matinya, dan terputus oleh pembaharuan pahala baginya, kecuali tiga perkara. Ini kerana anak merupakan hasil

[7] Sahih Muslim 4199.

usahanya. Demikian juga ilmu pengetahuan yang ditinggalkannya semasa mengajar atau mengarang kitabnya (bukunya), demikian juga sedekah jariah kerana ia merupakan wakaf daripada hartanya. Hadis ini menjadi dalil bagi pengesahan asal wakaf dan besar ganjaran pahalanya.[8]

Berdasarkan hadis tersebut, dapat disenaraikan beberapa pengajaran seperti berikut:

1. Islam menggalakkan supaya manusia sentiasa beramal dengan amalan yang memberi manfaat kepada diri dan masyarakatnya, sama ada semasa hidup atau setelah wafatnya.
2. Islam menggalakkan umatnya supaya berusaha mengerjakan tiga perkara yang manfaatnya berkekalan dalam hidupnya dan setelah wafatnya, iaitu:
    a. Sedekah jariah iaitu mewakafkan sebahagian daripada harta bendanya pada jalan Allah yang berpanjangan manfaatnya, sama ada dalam bentuk pahala kepadanya hingga di alam barzakh dan di akhirat kelak, atau dalam bentuk manfaat hasil wakaf yang berpanjangan manfaatnya di dunia untuk pihak yang dibelanjakan wang wakaf kepadanya. Rasulullah ﷺ bersabda:

    خَيْرُ النَّاسِ أَنْفَعُهُمْ لِلنَّاسِ[9]

    Maksudnya: Sebaik-baik manusia ialah orang yang paling banyak memberi manfaat kepada manusia.

    b. Menyebar ilmu pengetahuan yang bermanfaat yang dapat dimanfaatkan oleh orang lain, sama ada dalam bentuk pengajaran lisan atau karangan kitab dan lain-lain.

[8] Syarhu An-Nawawi Ala Muslim 11/85.

[9] At-Tabarani dalam Al-Ausat 5787, Silsilah Al- Ahadis As-Sahihah 426: Hasan.

c. Mendidik anak-anak supaya menjadi anak soleh yang sentiasa mendoakan kepada kedua ibu bapa dan kepada yang lain.

Itulah, tiga sumber kekuatan dalam pembangunan “Ummatan Wahidah”. iaitu:

1- Kekuatan harta benda yang berkat dan berkekalan.
2- Kekuatan ilmu pengetahuan yang bermanfaat dan dimanfaatkan secara berterusan.
3- Kekuatan manusia yang soleh yang kuat berhubung dengan Allah, sama ada dalam bentuk berdoa, ibadat dan dakwah.

Itulah, tiga teras “Ummatan Wahidah”. Jika, salah satu daripada teras tersebut kurang berkualiti, maka kuranglah kualiti ummatan wahidah. Ingatlah, bahawa ketiga-tiga teras tersebut ada hubungan di antara satu sama lain yang saling bantu membantu. Kekuatan harta wakaf sering melahirkan ilmu yang bermanfaat, manakala ilmu yang bermanfaat sering melahirkan anak yang soleh yang sentiasa berdoa dan berkhidmat. Anak soleh pula sentiasa menghasilkan harta wakaf dan begitulah seterusnya.

Dengan demikian, berkewajipan ke atas setiap muslimin atau muslimat, dan mukminin atau mukminat supaya berusaha sedaya upaya untuk menegakkan tiga tiang tersebut sekuat mungkin atau secara bersungguh-sungguh. Dengan demikian, tertegaklah “Ummatan Wahidah” yang sentiasa “Khaira Ummah” iaitu sebaik-baik umat untuk muslihat atau usaha manusia dalam menyebarkan rahmat Islam ke seluruh alam (dunia) yang membawa alam ini kepada damai dan makmur.

Ringkasnya, setiap muslim atau muslimat dikehendaki memberi saham dalam pembangunan “Ummatan Wahidah”. Saham yang dimaksudkan di sini ialah saham harta benda yang berkat secara wakaf, saham ilmu pengetahuan yang bermanfaat dan saham insan soleh yang

berdoa dan berkhidmat, sama ada semasa hidup atau setelah wafatnya. Saham tersebut sama ada dalam bentuk kemajuan di dunia yang berpanjangan maupun saham dalam bentuk pahala dan darjat yang tinggi yang berpanjangan di akhirat kelak. Itulah kehebatan Islam dalam kehidupan penganutnya di dunia dan di akhirat. Itulah hakikat muslim atau muslimah yang selaku "Rahmatan lil Alamin" seperti Firman Allah:

وَمَآ أَرۡسَلۡنَٰكَ إِلَّا رَحۡمَةٗ لِّلۡعَٰلَمِينَ ١٠٧[10]

Maksudnya: Dan kami tidak mengutuskan kamu (wahai Muhammad) kecuali selaku rahmat untuk sekalian alam.

[10] Surah al-Anbiya', ayat 107.

بسم الله الرحمن الرحيم

سهم مسلم دالم فمبينأن ديري دان فمباڬونن أمة واحدة

سبدا رسول الله ﷺ :
إذا مات الإنسان انقطع عمله الا من ثلاث :
صدقة جارية أوعلم ينتفع به أو ولد صالح يدعوله
(صحيح مسلم / 4199)

منورة رسول الله ﷺ : ستيف مأنسي واجب ممبينا ديري دان ممباڬون أمة واحدة دڠن جارا اي منيڬكلكن
تيكا فوساكا فنتيڬ سوقت هيدوفڬ 1 علمو يڬ منفعة
2 هرتا يڬ برلاري (واقف)
3 انق صالح يڬ برددوعا (دان بر دعوة)

جامعة فطاني
มหาวิทยาลัยฟาฏอนี
FATONI UNIVERSITY

دنيا ماجو .. أخيرة بهاكيا ..

(2) عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا: أَنْ عُمَرَ بْنَ الخَطَّابِ أَصَابَ أَرْضًا بِخَيْبَرَ، فَأَتَى النَّبِيَّ ﷺ يَسْتَأْمِرُهُ فِيهَا، فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنِّي أَصَبْتُ أَرْضًا بِخَيْبَرَ لَمْ أُصِبْ مَالًا قَطُّ أَنْفَسَ عِنْدِي مِنْهُ، فَمَا تَأْمُرُ بِهِ؟ قَالَ: ﴿إِنْ شِئْتَ حَبَسْتَ أَصْلَهَا، وَتَصَدَّقْتَ بِهَا﴾ قَالَ: فَتَصَدَّقَ بِهَا عُمَرُ، أَنَّهُ لاَ يُبَاعُ وَلاَ يُوهَبُ وَلاَ يُورَثُ، وَتَصَدَّقَ بِهَا فِي الفُقَرَاءِ، وَفِي القُرْبَى وَفِي الرِّقَابِ، وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ، وَابْنِ السَّبِيلِ، وَالضَّيْفِ لاَ جُنَاحَ عَلَى مَنْ وَلِيَهَا أَنْ يَأْكُلَ مِنْهَا بِالْمَعْرُوفِ، وَيُطْعِمَ غَيْرَ مُتَمَوِّلٍ[11]

Maksudnya: Sesungguhnya Umar bin al-Khattab R.A mendapat sebidang tanah yang bernilai di kawasan Khaibar. Lalu Beliau datang mesyuarat dengan Rasulullah ﷺ mengenai tanah itu. Beliau berkata: Wahai Rasulullah, sesungguhnya aku telah dapat sebidang tanah di kawasan ***Khaibar.*** Sebelum ini, aku tidak pernah memiliki tanah yang lebih baik daripadanya. Maka, Apakah pendapatmu mengenainya? Baginda bersabda: Jika kamu bersetuju, kamu kurungkan asal tanah itu (tidak dijual), dan kamu sedekahkan hasilnya. Ibnu Umar berkata: Maka Umar pun wakaflah tanah itu, iaitu tidak dijual, tidak dihebah dan tidak dipusakai. Bahkan disedekahkan kepada para fakir miskin, kaum kerabat, urusan pada jalan Allah, orang-orang musafir dan para tetamu. Pengurus **(ناظر)** wakaf itu pun boleh makan daripadanya dengan cara yang baik dan memberi makan kepada yang lain sekadar yang diperlukan, tidak diambil untuk disimpan.

[11] Muttafaq Alaih: Sahih al-Bukhari 2737, Sahih Muslim 1632.

Pengajaran daripada hadis seperti berikut:

1) Islam menggalakkan mesyuarat dengan orang-orang yang berilmu dan berpengalaman, terutamanya pemimpin Islam dalam menyelesaikan masalah pengurusan harta benda.

2) Islam menggalakkan bersedekah dengan harta benda yang bernilai tinggi dan disayangi, sebagaimana yang di istilahkan oleh al-Quran dengan **«مِمَّا تُحِبُّوْنَ»** dan al-Hadis dengan **«أَنْفَس»**

3) Islam menggalakkan supaya mengadakan rancangan wakaf iaitu sedekah jariah, yakni **حَبَسْتَ أَصْلَهَا، وَتَصَدَّقْتَ بِهَا** Maksudnya: Kamu mengurungkan kepala modalnya secara menghasilkan untung dan menyedekahkan hasilnya kepada pihak yang diwakafkan untuknya.

4) Harta benda wakaf tidak dapat dijual, tidak diberi dan tidak dapat dipusakai, tetapi memajukan dan membelanjakan hasilnya kepada orang-orang yang memerlukannya seperti fakir miskin, guru dan pelajar serta perkara-perkara dalam urusan umum pada jalan Allah.

5) Pengurus harta wakaf dibenarkan menerima faedah seperti makan harta wakaf dengan baik dan berhak membelanjakan harta atau hasil harta wakaf seqadar keperluan. Namun, bukan untuk disimpan, walaupun pengurus itu terdiri daripada tuan wakaf sendiri.[12]

(3) Hadis Ibnu Abbas Radiallahu Anhuma.

«أَنَّ سَعْدَ بْنَ عُبَادَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ أَخَا بَنِي سَاعِدَةَ تُوُفِّيَتْ أُمُّهُ وَهُوَ غَائِبٌ عَنْهَا، فَأَتَى النَّبِيَّ ﷺ فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّ أُمِّي تُوُفِّيَتْ وَأَنَا غَائِبٌ عَنْهَا، فَهَلْ يَنْفَعُهَا شَيْءٌ إِنْ تَصَدَّقْتُ بِهِ عَنْهَا؟

[12] Lihat Fathul Bari Lil Assaqlani 5/403-404.

قَالَ: نَعَمْ، قَالَ: فَإِنِّي أُشْهِدُكَ أَنَّ حَائِطِيَ المِخْرَافَ صَدَقَةٌ عَلَيْهَا»[13]

Maksudnya, Ibnu Abbas berkata: Sesungguhnya ibu Saad bin Ubadah R.A. telah meninggal dunia, sedangkan beliau tidak ada di samping ibunya. Lalu beliau datang berjumpa Rasulullah ﷺ dan berkata: Wahai Rasulullah, sesungguhnya ibuku telah meninggal dunia dan aku tidak sempat bertemu dengannya. Maka, sekiranya aku sedekahkan sesuatu untuknya; apakah sedekah itu memberi manfaat kepadanya? Baginda menjawab: Ya, memang memberi manfaat kepadanya. Lalu Saad berkata: Sesungguhnya aku menyatakan kepadamu sebagai saksi bahawa sesungguhnya kebunku ***Al-Mikhraf*** adalah sedekah untuk ibuku (kerana Allah).

Itulah di antara cara dan bentuk wakaf dalam Islam.

3-IJMA'

Ibnu Qudamah Rahimahullah berkata: Wakaf merupakan ijma' dalam kalangan sahabat kerana sesungguhnya tidak ada orang-orang yang kuasa wakaf dalam kalangan mereka kecuali ia wakaf.[14]

Imam Asy-Syafii berkata: Telah sampai maklumat kepada aku bahawa sesungguhnya lapan puluh orang para sahabat dalam kalangan Ansar telah mengadakan sedekah Muharramah atau sedekah Jariah.[15]

Hal itu telah masyhur dan tidak ada seorang pun yang mengingkari syarak wakaf, maka jadilah Ijma'.[16]

---

[13] Hadis Sahih al-Bukhari /2762.

[14] Al-Mughni bagi Ibnu Qudamah 4/6.

[15] Lihat Mughni Al-Muhtaj bagi Asy-Syarbini 2/376.

[16] Al-Mughni bagi Ibnu Qudamah 4/6

(3) SEJARAH WAKAF

Orang yang mula-mula mewakafkan harta dalam Islam ialah Rasulullah ﷺ, dimana baginda mewakafkan sebanyak tujuh bidang kebun yang dikenali dengan ***Aradi Mukhairiq***.[17]

Amr bin al-Haris R.A. berkata:

مَا تَرَكَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ عِنْدَ مَوْتِهِ دِرْهَمًا وَلاَ دِينَارًا وَلاَ عَبْدًا وَلاَ أَمَةً وَلاَ شَيْئًا، إِلَّا بَغْلَتَهُ البَيْضَاءَ، وَسِلاَحَهُ وَأَرْضًا جَعَلَهَا صَدَقَةً [18]

Maksudnya: Rasulullah ﷺ tidak meninggalkan sesuatu perkara sebagai pusaka sewaktu wafatnya, tidak meninggakan walau satu dirham atau satu dinar, tidak ada walau seorang hamba sahaya lelaki atau perempuan, dan tidak ada sesuatu, kecuali seekor baghal putih, sepucuk senjata dan secebis tanah yang kesemuanya baginda jadikan wakaf. Kerana harta pusaka peninggalan Rasulullah ﷺ tidak dapat dipusakai oleh sesiapa.

(4) WAKAF PARA SAHABAT

Orang pertama dalam kalangan sahabat yang mewakafkan harta ialah Umar bin Al-Khattab R.A., Kemudian disusuli oleh Khulafak Ar-Rasyidin al-Mahdiyin. Bahkan, sesetengah riwayat menyatakan bahawa

[17] Lihat al-Maghazi bagi Al-Waqidi, Fathul Bari bagi Al-Asqalani 5/402. As-Siraj Al-Wahhab/197-198, Al-Muhtaj bisyarhi Al-Minhaj 6/236, Mughni Al-Muhtaj 2/376

[18] Hadis Sahih al-Bukhari /2739

tidak ada para sahabat yang ada kelawasan harta kecuali mereka mewakafkan hartanya.[19]

Marilah kita sama-sama mengikut sunnah Rasulullah ﷺ dan sunnah para sahabat Radiallahu Anhum mengenai wakaf yang cukup besar manfaatnya di dunia dan di akhirat. Nescaya, kita akan hidup bahagia di dunia dan di akhirat.

(5) BAHAGIAN WAKAF

Wahai umat Islam, tidak ada sebab untuk kita tidak memberi wakaf; kerana ibadat wakaf dapat dilakukan oleh sesiapa jua. Tanpa syarat haul (perkiraan masa) dan nisab (kadar), dan tidak mengira kadar jumlah nilai walaupun sekadar 10 Baht, 10 Ringgit Malaysia (RM), 10 Rupiah, 1 Dollar dan lain-lain pun boleh.

Wakaf terbahagi kepada empat bahagian seperti berikut:

1. **Wakaf Zurri (ahli) (وقف ذُرِّي) (أهلي)**

Wakaf zurri ialah wakaf khas untuk anak cucu dan ahli keluarga. Sebagaimana Rasulullah ﷺ mengarahkan supaya Abu Talhah berbuat dengan sabda: "Aku nampak kamu mewakafkan kebun ***Bairuha'*** ini untuk kaum kerabatmu".

2. **Wakaf Khairi (وقف خَيْرِي)**

Wakaf khairi ialah wakaf untuk umum perkara kebajikan seperti binaan masjid, sekolah dan jamiah (universiti).

[19] Rujukan yang sama.

3. **Wakaf Musytarak (وقف مُشْتَرَك)**

Wakaf musytarak ialah wakaf yang diumumkan penggunaannya kepada diri sendiri, anak cucu, kaum kerabat (saudara mara) dan kebajikan umum. Atau wakaf gabungan antara Wakaf Zurri dengan Wakaf Khairi pada satu perkara. Atau wakaf yang pada mulanya untuk diri sendiri, anak cucu, kemudian diumumkan untuk fakir miskin dan sebagainya.

4. **Wakaf Irsad (وقف إِرْصَاد)**

Wakaf irsad ialah wakaf sebahagian daripada harta benda baitul mal bagi sesebuah negara atau jamaah dengan perintah sultan atau raja atau seumpamanya untuk pembangunan negara dan digunakan hasil manfaatnya kepada maslahah umum; seperti masjid, sekolah, hospital, jalan raya, khidmat masyarakat seperti anak yatim dan sebagainya pada jalan Allah.[20]

Adapun, pewakaf boleh memberi wakaf secara fardi (individu), jamai (berkumpulan), ahli (keluarga), watoni (negara) dan alami (dunia).

(6) BAHAGIAN WAKAF DI SUDUD PEWAKAF

Wakaf di sudud pewakaf ada 3 bahagian:

(1 **Waqaf Fardi** ; sama ada wakaf zurri atau wakaf khairi

(2 **Waqaf Jama'i**; sama ada dalam bentuk 'Aili bagi satu-satu keluarga atau Jama'i bagi sebuah jama'ah atau masyarakatatau jama'i 'alami bagi satu-satu projek yang di beri saham oleh umum para pewakaf dari seluruh dunya

[20] Lihat: Hasyiah ibnu Abidin 3/355, 357, 578, Al-Muhazzib 2/440, Mughni al-Muhtaj 2/278, 377, Matalib Uli An-Nuha 4/271, 313, Husnu al-Muhadarah bagi As-Sayuti 2/105.

(3 **Waqaf Watani atau waqaf irsodi dari sebuah negara**; iaitu wakaf yang di gunakan harta negara, walaupun secara umumnya ia adalah satu bentuk dari wakaf jama'i juga. Kerana asal harta Negara adalah dari rakyat.

(7) RUKUN WAKAF

Wakaf ada empat rukun sebagai berikut:

1. **Alwaqif (الواقف)**

Alwaqif ialah tuan kepada harta benda yang di waqafkan. Alwaqif mesti mempunyai syarat-syarat seperti berakal, baligh, bebas iaitu tidak dipaksa, dan ahli yang berhak dari segi syarak dan undang-undang dalam membelanjakan harta benda tersebut.

2. **Almauquf Alaih (الموقوف عليه)**

Almauquf alaih ialah pihak yang menerima wakaf harta benda tersebut. Dengan syarat, pihak penerima wakaf itu baik, bukan maksiat dan bukan haram serta berhak dari segi syarak dan undang-undang untuk menerima wakaf.

Almauquf alaih ada yang berbentuk badan (agensi) atau yayasan, sama ada kerajaan atau swasta dan yang berbentuk individu atau keluarga.

3. **Almauqufah (الموقوفة)**

Almauqufah ialah harta benda yang diwakaf. Harta benda itu di syaratkan mesti mempunyai nilai yang jelas dan dimiliki oleh pewakaf.

Terdapat beberapa bentuk maukufah, antaranya seperti berikut:

1- Perkara (harta) yang tetap iaitu tidak dapat dipindah seperti tanah, rumah, telaga, kebun, sekolah dan masjid **(عَقَار اتو غُيْرُ مَنْقُوْل)**

2- Perkara yang boleh dipindah ke sana ke sini **(مَنْقُوْل)** seperti mushaf, buku, kenderaan, alat pengajian dan dakwah, suatu sistem atau rancangan yang bermanfaat, wang dan sebagainya.

3- Wang tunai seperti memberi wang untuk berhutang kepada yang memerlukannya atau melabur wang.

4- Hak maknawi seperti hak percetakan buku atau sebagainya.

(8) LAFAZ WAKAF

Lafaz wakaf ialah lafaz atau perbuatan atau isyarat yang menunjukkan wakaf, seperti "**Aku wakaf, aku sedekah atau aku jadikannya untuk jalan Allah**".

(9) MASA WAKAF

Diantara syarat bagi wakaf di sisi jumhur ulama' ialah: Atta'bid **(التأبيد)** yakni kekal sampai kebila-bila masa, tidak bulih di tentu masa wakaf. Memang itulah yang asal pada wakaf, Tetapi almalikiyah berpendapat bahawa harus melakukan Waqaf Muaqqat **(وقف مؤقت)** [21]; iaitu wakaf secara di tentukan masa kepada perkara yang di wakafkan itu, seperti; sepuluh tahun atau selama adanya keperluan bagi perkara yang di wakaf itu, atau ... Mudah-mudahan itulah yang lebih rajih memandang kepada maqasid as-syari'ah di

[21] Lihat: Asy-syarhu Al-kabir Hasyiah Ad-dusuqi Ad-dardir 4/76, Al-khursi Ala Mukhtasar Saiyidi Khalil 7/80, Syarh Al-abiy li Sahih Muslim 5/613.

sudud galakan bersadakah jariah supaya lebih luas dan lebih banyak lapangan dan jenisnya[22]. Wallahu a'lam.

(10) NAZIR WAKAF

Nazir wakaf ialah orang yang bertanggungjawab menguruskan hal wakaf, sama ada tuan wakaf sendiri atau orang lain yang diserahkan wakaf tersebut untuknya atau satu-satu badan tertentu, sama ada kerajaan atau swasta.[23]

Pihak yang melantik nazir ialah tuan wakaf sendiri atau sultan yang berkuasa ke atas wakaf tersebut. Manakala, nazir pula hendaklah terdiri daripada orang yang berakal, baligh dan muslim, sekiranya pihak yang mewakafkan itu orang Islam.

(11) MASALAH

1) Sah wakaf dari pada orang kafir yang bukan harbi[24], walaupun untuk membina masjid. Sah wakaf untuk orang kafir dalam perkara yang bukan kufur dan bukan maksiat. Bahkan tidak disyaratkan bahawa orang-orang yang mendapat manfaat daripada wakaf tersebut mesti terdiri daripada orang-orang fakir miskin, kecuali tuan wakaf mensyaratkan demekian.[25]
2) Pewakaf dapat menerima faedah daripada harta wakafnya sendiri, sama ada atas nama nazir atau nama fakir miskin atau atas syarat-syarat yang dibuat sewaktu wakafnya.[26]

---

[22] Lihat: Maqasid Asy-syari'ah Al-islamiah bagi Syaikh Muhammad At-tahir bin Asyur 358-360

[23] Lihat al-Asqalani, Fathul Bari 5/403.

[24] Bersalahan pendapat ulama mengenai sah atau tidak sah wakaf bagi orang kafir harbi.

[25] Lihat Mughni al-Muhtaj bagi Asy-Syarbini 2/379.

[2626] Lihat Fathul Bari bagi Al-Asqalani 15/404.

3) Sah wakaf untuk manfaat kepada diri sendiri pada sisi sesetengah ulama seperti Abi Hanifah, Abi Yusuf, Ibnu Abi Laila dan yang paling rajih pada sisi Ahmad dan Ibnu Suraij daripada Asy-Syafiiyah serta Ibnu Sufian daripada Al-Malikiyah.[27]

(12) CARA WAKAF HARTA BENDA

1. **Alwaqif**

Alwaqif ialah orang yang mewakafkan harta. Alwaqif hendaklah mengesahkan bahawa harta yang akan diwakafkan tersebut merupakan miliknya sendiri atau sebagai pemilik harta yang sempurna dari segi syariat dan undang-undang.

2. Menentukan jenis wakaf

Menentukan jenis-jenis harta wakaf dan jumlah atau kadarnya dengan baik, serta pihak yang diwakafkan.

3. Mesyuarat dengan pihak-pihak yang berkaitan

Pihak-pihak yang berkaitan bermaksud anak isteri, orang yang berpengalaman, orang alim atau pimpinan Islam tentang cara atau bahagian wakaf dan kadar harta benda serta pihak yang mewakafkannya.

4. Ikhlas hati kerana Allah dan melafazkan waqaf

Niat wakaf seperti “Aku sedekah atau wakafkan sebidang tanah atau rumah aku ini atau binaanku ini atau telagaku ini atau kenderaanku ini kerana Allah”.

[27] Lihat al-Mabsut bagi Zarkasyi 41/2. Asy-Syarhu al-Kabir bagi Ibnu Qudamah 387/16. Nihayatul Muhtaj bagi Ar-Ramli 367/5.

atau untuk anak cucu dan kaum kerabatku kerana allah.

atau untuk umum fi sabilillah.

atau untuk fakir miskin.

atau untuk anak yatim.

atau untuk perempuan janda.

atau untuk urusan membina dan memajukan kegiatan masjid, sekolah, jamiah (universiti), hospital dan sebagainya, serta setiap perkara yang dianggap baik dan bukannya maksiat.

5. Adakan catatan kenyataan wakaf

Catatan wakaf hendaklah jelas dan ditandatangani dengan baik dan saksikan oleh dua orang saksi serta diterima oleh pihak yang diwakafkan untuknya. Sebaik-baiknya, adakan catatan pada mana-mana badan Islam atau yayasan wakaf yang berkanun.

6. Menentukan nazir wakaf

Menentukan nazir (penjaga) wakaf yang terdiri dari orang yang soleh dan berilmu, iaitu dengan cara bersurat yang ditandatangani atau diserahkan kepada yayasan wakaf seperti Muassasah al-waqful Islamiy **(مؤسسة الوقف الإسلامي)** di Madinatussalam Fatoni atau mana-mana yayasan yang bertanggungjawab dalam urusan pentadbiran harta wakaf yang terdaftar rasmi dengan pihak undang-undang negara serta diketuai oleh orang yang berilmu dan dipercayai. Ringkasnya, hendaklah ada catatan dengan cara bersurat yang ditandatangani.

7. Berdoa kepada Allah supaya Allah terima wakaf

Berdoa kepada Allah supaya waqaf itu diterima Allah sebagai sedekah jariah yang berkekalan manfaatnya dan diberkati di dunia dan di akhirat seperti dalam ayat berikut:

﴿ رَبَّنَا تَقَبَّلْ مِنَّآ إِنَّكَ أَنتَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ... وَتُبْ عَلَيْنَآ إِنَّكَ أَنتَ ٱلتَّوَّابُ ٱلرَّحِيمُ ﴿١٢٨﴾ ﴾[28]

(13) JENIS-JENIS HARTA WAKAF

Antara jenis-jenis harta waqaf seperti berikut:

1) **Wakaf air** ialah seafdal-afdal (sebaik-baik) harta wakaf, seperti berikut:
   1- Telaga zamzam (Nabi Ismail Alaihissalam dan ibunya Hajar R.A).
   2- Telaga rumah di al-Madinatul Munauwarah (Wakaf Saiyidina Usman bin Affan R.A pada zaman Rasulullah ﷺ).
   3- Telaga Zubaidah (Zubaidah binti Jaafar bin al-Mansur isteri kepada Khalifah Harun Arrasyid) di Makkatul Mukarramah.
   4- Telaga di kawasan al-Masjidil Aqsa sebanyak 27 buah telaga.

2) **Wakaf masjid,** seperti berikut:
   1- Al-Masjid Al-Haram
   2- Al-Masjid Al-Nabawi
   3- Masjid Quba'
   4- Masjid-masjid lain di dunia

3) **Wakaf sekolah, pondok dan jamiah (universiti),** seperti berikut:
   1- Jamiah al-Azhar asy-Syarif
   2- Jamiah Fatoni (Selatan Thai)

[28] Doa nabi Ibrahim dan Ismail Alaihimassalam sewaktu baginda berdua meletak batu asas Kaabah (lihat ayat: 127-128).

3- Madrasah Ar-Rahmaniah Braol Fatoni (selatan Thai)

4) **Wakaf hospital dan klinik,** seperti berikut:

1- Hospital di tepi Masjid Nabawi di al-Madinah al- Munauwarah pada zaman Rasulullah ﷺ.[29]

2- Hospital Sultan Ahmad bin Solon sebagai hospital pertama di Mesir (259H/872M).

3- Hospital Al-Adudi di Baghdad (366H/976M).

4- Hospital Al-Nuri di Damsyiq (549H/1154M).

5- Hospital Al-Solahi (Solahuddin al-Aiyubi) di Al-Qudus (583H/1187M).

6- Hospital Syekh Jasim bin Muhammad bin Thani Al-Qatari di Madinatussalam Fatoni (1434H/2012M).

5) **Rumah anak yatim dan fakir miskin,** seperti berikut:

1- Darul Aitam at-Tankiziah di Al-Qudus pada (729H/1328M).

2- Madrasah al-Aitam al-Islamiah di al-Qudus pada 1356H/1937M).

3- Al-Jamiyah Al-Khairiah li Ri'ayah al-AItam Yala, selatan Thai.

4- Muassasah Abu Hurairah li Ri'ayah al-Aitam wa Tanmiah al-Mujtama' , di bandar Narathiwat, selatan Thai.

6) **Harta benda yang mendatangkan keuntungan**, seperti berikut:

1- Wakaf Rasulullah ﷺ.

Rasulullah ﷺ mewakafkan tujuh bidang kebun "Aradi Mukhairiq" di Al-Madinatul Munauwarah.

[29] Tarikh al-arab wa al-muslimin bagi Muhammad Husin Ali dan Abdurrahim Mar'ab M.S 104, Al-Waqfu al-Islami baina al-Nazariyah wa at-tatbiq bagi doktor Ikrimah Said Sabri M.S 480.

2- Wakaf Umar bin al-Khatab R.A.
Umar bin al-Khatab R.A mewakafkan sebidang tanah yang baik di Khaibar.

3- Wakaf Abu Talhah R.A.
Abu Talhah R.A mewakafkan sebuah kebun "Bairuha'" di kawasan yang berhampiran dengan Masjid Nabawi di Al-Madinatul Munauwarah.

4- Wakaf tanah Pattani Asean Mall di Madinatussalam Fatoni. Wakaf ini merupakan contoh pelaburan yang ulung kali di Thailand (Rujuk Contoh Harta Wakaf Madinatussalam).

(14) HAKIKAT WAKAF DAN KEHEBATAN ISLAM

Wakaf ialah mengawal harta benda supaya tetap; dengan cara menyuburkan dan memajukannya supaya mendatangkan hasil untuk menyebarkan manfaat dari harta wakaf secara berkekalan dan berterusan kerana Allah.

Masya Allah,

- alangkah sempurnanya syariat Allah!
- Alangkah majunya sunnah Rasulullah ﷺ.
- Alangkah beruntungnya harta benda umat Islam, dunianya maju dan mulia, akhiratnya pula selamat dan bahagia.
- Alangkah teguhnya teras *Ummatan Wahidah* yang selaku *Ummatan Wasatan.*
- Alangkah cemerlangnya kegiatan *Khaira Ummah* yang dikeluarkan untuk maslahat manusia.
- Alangkah hebatnya peranan Islam selaku rahmat kepada alam semesta.

KELEBIHAN WAKAF DAN SEDEKAH

Tidak syak lagi bahawa wakaf merupakan syariat Allah, sunnah Rasulullah ﷺ dan sunnah para sahabat رضي الله عنهم yang mempunyai kelebihan yang amat besar, sama ada di dunia atau di akhirat kelak. Ini kerana wakaf adalah seafdal-afdal (sebaik-baik) sedekah dan setinggi-tinggi darjatnya.

Jaminan Rasulullah ﷺ terhadap kelebihan wakaf seperti berikut:

(1) Firman Allah SWT:

﴿ مَّن ذَا ٱلَّذِى يُقۡرِضُ ٱللَّهَ قَرۡضًا حَسَنًا فَيُضَٰعِفَهُۥ لَهُۥٓ أَضۡعَافًا كَثِيرَةً وَٱللَّهُ يَقۡبِضُ وَيَبۡصُۜطُ وَإِلَيۡهِ تُرۡجَعُونَ ﴿٢٤٥﴾ ﴾[30]

Maksudnya: Siapakah yang (mahu) memberi pinjaman kepada Allah, sebagai pinjaman yang baik (sedekah yang ikhlas), supaya Allah akan melipatgandakan balasan-Nya dengan berganda-ganda banyak-Nya. Dan (ingatlah) Allah jualah yang menyempit dan meluaskan (pemberian rezeki), dan kepada-Nya-lah kamu semua dikembalikan.

Allah menamakan "sedekah" dengan "Qardun" yakni pinjaman atau berhutang. Ini kerana apabila seseorang memberikan wang atau sesuatu perkara untuk sedekah, maka pemberi sedekah tersebut tetap akan dibayar balik, dibalas dan diganti oleh Allah sebagaimana pinjaman akan dibayar atau dipulangkan semula antara manusia. Yang lebih baik, balasan Allah kepada orang yang bersedekah adalah amat besar iaitu berganda-ganda sama ada di

[30] Surah Al- Baqarah ayat 245.

dunia atau di akhirat **(فَيُضَٰعِفَهُۥ لَهُۥٓ أَضۡعَافٗا كَثِيرَةٗۚ)** . Tetapi, syarat sedekah yang diberikan adalah ikhlas **(قَرۡضًا حَسَنٗا)** .

Inilah antara ayat Al-Quran yang menyebabkan seorang sahabat yang bernama Abu Addahda' segera mewakafkan sebidang kebun tamar yang luas yang mengandungi 600 pokok tamar di dalamnya yang terletak di Al-Madinatul Munauwarah untuk Allah (Islam) melalui tangan Rasulullah ﷺ.[31]

Para pembaca, ikhwan dan akhawat yang dikasihi sekalian, Kenapakah kita membeli barang-barang dengan wang kita? Sudah tentu jawapannya adalah untuk mendapatkan barang-barang yang dikehendaki yang nilainya sangat sedikit seperti membeli baju, kasut, perhiasan emas permata dan sebagainya. Jika soalan, Kenapakah kita berniaga dengan harta benda kita? Jawapannya ialah untuk mendapatkan keuntungan.

Persoalannya, Yang manakah lebih tinggi nilai keuntungan antara pembelian dan perniagaan berbanding dengan balasan Allah terhadap sedekah jariah, sama ada di dunia dan di akhirat? Jawapannya, sudah tentu sangat jauh perbezaan antara dua bentuk keuntungan tersebut. Malah kita sangat yakin bahawa hanya Allah yang akan menyempit atau meluaskan rezeki seseorang hamba-Nya **(وَٱللَّهُ يَقۡبِضُ وَيَبۡصُۜطُ)** . Kemudian, hanya kepada Allah kita semua akan dikembalikan **(وَإِلَيۡهِ تُرۡجَعُونَ)** untuk menerima balasan Allah yang sangat besar. Balasan

[31] Hadis al-Bazzar, Majma' az-Zawa'id 6/321

Allah bukan hanya sekadar 10 kali ganda, malah ada sampai 700 kali ganda atau lebih.

(2) Sabda Rasulullah SAW:

«مَا نَقَصَتْ صَدَقَةٌ مِنْ مَالٍ»[32]

Maksudnya: Sedekah tidak akan mengurangkan harta.

(3) Sabda Rasulullah ﷺ :

«مَا نَقَصَ مَالُ عَبْدٍ مِنْ صَدَقَةٍ (فَتَصَدَّقُوا)»[33]

Maksudnya: Tidak akan berkurang harta seseorang hamba kerana bersedekah, maka hendaklah kamu semua bersedekah.

Hal ini merupakan kenyataan dalam kehidupan manusia, sama ada di dunia dan di akhirat.

(4) Sabda Rasulullah ﷺ mengenai tiap-tiap pagi doa Malaikat kepada orang-orang yang berinfak:

«مَا مِنْ يَوْمٍ يُصْبِحُ الْعِبَادُ فِيهِ إِلاَّ مَلَكَانِ يَنْزِلاَنِ فَيَقُوْلُ أَحَدُهُمَا: اَللَّهُمَّ أَعْطِ مُنْفِقًا خَلَفًا، وَيَقُوْلُ الْآخَرُ: اَللَّهُمَّ أَعْطِ مُمْسِكًا تَلَفًا».[34]

Maksudnya: Tidak ada suatu hari yang hambanya berpagi-pagi padanya, kecuali dua Malaikat turun kepada-Nya, salah satu di antara keduanya berdoa: **اَللَّهُمَّ أَعْطِ مُنْفِقًا خَلَفًا** Maksudnya: 'Ya Allah, berikanlah ganti kepada orang yang berinfak (membelanjakan hartanya). Manakala Malaikat yang lain berdoa: **اَللَّهُمَّ أَعْطِ مُمْسِكًا تَلَفًا** Maksudnya: 'Ya Allah,

[32] Hadis Sahih Muslim/2588.

[33] Jami' Attirmizi 2325, Musnad Ahmad 18060, Musnad al-Bazzar 1032, Sahih al-Jami' 3024.

[34] Hadis Sahih al-Bukhari 1442, Sahih Muslim 1010.

binasakanlah harta orang yang menahan hartanya (tidak membelanjakannya).

Itulah doa Malaikat yang mustajab kepada penghuni alam ini dari sudut penggunaan wang dan harta benda secara terbuka. Namun, Siapakah yang mendengar dan Siapakah yang menyahut doa tersebut dengan keadaan bertakwa (takut) kepada Allah.

(5) Daripada Abi Hurairah R.A berkata, Sabda Rasulullah SAW:

«إِنَّ مِمَّا يَلْحَقُ الْمُؤْمِنَ مِنْ عَمَلِهِ وَحَسَنَاتِهِ بَعْدَ مَوْتِهِ عِلْمًا عَلَّمَهُ وَنَشَرَهُ، وَوَلَدًا صَالِحًا تَرَكَهُ، وَمُصْحَفًا وَرَّثَهُ، أَوْ مَسْجِدًا بَنَاهُ، أَوْ بَيْتًا لِابْنِ السَّبِيلِ بَنَاهُ، أَوْ نَهْرًا أَجْرَاهُ، أَوْ صَدَقَةً أَخْرَجَهَا مِنْ مَالِهِ فِي صِحَّتِهِ وَحَيَاتِهِ، يَلْحَقُهُ مِنْ بَعْدِ مَوْتِهِ»[35]

Maksudnya: Sesungguhnya, antara perkara yang dapat meneruskan pahala orang mukmin daripada amalan dan kebaikannya setelah meninggal dunia ialah ilmu yang diajar atau disebarkannya, anak soleh yang ditinggalkan oleh ibu bapanya, dan mushaf al-Quran yang dipusakainya atau masjid yang dibinanya atau rumah tumpangan tetamu *Ibnu as-sabil* yang dibinanya atau sungai yang digali dan mengalirkan air di dalamnya atau sedekah yang diberikan daripada harta bendanya semasa sihat dan semasa hidupnya. Semua ini dapat menyampaikan pahala yang berterusan selepas meninggal dunia.

(6) Daripada Abi Hurairah R.A berkata, Sabda Rasulullah ﷺ:

[35] Ibnu Majah no./242, Sahih al-Jamik as-Saghir bagi Albani /2231.

«مَنِ احْتَبَسَ فَرَسًا فِي سَبِيلِ اللَّهِ إِيمَانًا بِاللَّهِ وَتَصْدِيقًا بِوَعْدِهِ، فَإِنَّ شِبَعَهُ وَرِيَّهُ وَرَوْثَهُ وَبَوْلَهُ فِي مِيزَانِهِ يَوْمَ القِيَامَةِ»[36]

Maksudnya: Sesiapa yang mewakafkan kudanya pada jalan Allah dalam keadaan beriman dengan Allah dan percaya dengan pahala yang dijanjikan-Nya. Maka sesungguhnya, segala perkara yang dimakan atau diminum oleh kuda, buangan air besar (tahi) dan buangan air kecil (kencing) kuda, kesemuanya memberatkan timbangan neraca pada hari akhirat.

Yakni, kenderaan jenis haiwan atau binatang juga dapat diwakafkan dan dikira segala buangan binatang tersebut bagi memberatkan timbangan neraca pahala untuk akhirat kelak.

(7) Sabda Rasulullah ﷺ:

كُلُّ امْرِئٍ فِيْ ظِلِّ صَدَقَتِهِ حَتَّى يُقْضَى بَيْنَ النَّاسِ[37]

Maksudnya: Tiap-tiap orang itu akan berada di bawah bayangan teduh sedekahnya sehingga selesai hukuman dalam kalangan manusia di padang mahsyar pada hari akhirat kelak.

(8) Sabda Rasulullah ﷺ

«إِنَّ الصَّدَقَةَ لَتُطْفِئُ عَنْ أَهْلِهَا حَرَّ الْقُبُورِ، وَإِنَّمَا يَسْتَظِلُّ الْمُؤْمِنُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فِي ظِلِّ صَدَقَتِهِ»[38]

[36] Hadis Sahih al-Bukhari/2853

[37] Sahih Muslim 4199.

[38] At-Tabarani no. 788, Silsilah al-Ahadis as-Sahihah no. 3484.

Maksudnya: Sesungguhnya sedekah akan memadamkan kepanasan dalam kubur kepada pelakunya, dan sesungguhnya pada hari akhirat orang mukmin akan menumpang teduh di bawah naungan sedekahnya.

(9) Sabda Rasulullah ﷺ:

«الصَّدَقَةَ تُطْفِئُ الْخَطِيئَةَ كَمَا يُطْفِئُ الْمَاءُ النَّارَ»[39]

Maksudnya: Sedekah dapat menghapuskan kesalahan seseorang seperti air memadamkan api.

(10) Sabda Rasulullah ﷺ:

دَاوُوْا مَرْضَاكُمْ بِالصَّدَقَةِ[40]

Maksudnya: Ubatilah orang sakit dalam kalanganmu dengan sedekah (terutama dengan sedekah jariah).

(11) Harta wakaf merupakan sebaik-baik harta kepada pelakunya (pemberi wakaf). Hal ini disebabkan harta wakaf merupakan harta yang paling dikasihi dan dapat memberi faedah kepada pelakunya secara berkekalan dan berpanjangan selama-lamanya di dunia, di alam kubur, di padang Mahsyar dan di akhirat.

Kepada sesiapa yang sayang kepada harta dan takut terputus hubungan dengan harta tersebut disebabkan kematiannya. Maka, hendaklah beliau mewakafkan hartanya kerana Allah **(لِلَّه),** supaya beliau mendapat manfaat yang berterusan, sama ada di dunia atau di akhirat kelak.

[39] Ahmad no.15284, Sahih al-Jamik As-Saghir no.5136.

[40] At-Tabarani no. 31-35/1 dalam al-Kabir 128/10 dan al-Ausat 274/2.

Sehubungan dengan itu, kepada ahli keluarga yang mengetahui bahawa ayah atau ibunya telah meninggal dunia, yang semasa hidup mereka sayang kepada harta yang tetap seperti tanah, telaga dan binaan atau harta yang berpindah seperti kenderaan, alat-alat dan lain-lain. Maka, anaknya hendaklah mewakafkan harta benda tersebut kepada ayah atau ibunya atau keduanya supaya mereka sentiasa mendapat pahala walau di mana jua mereka berada. Hal ini perlu mendapat persetujuan daripada semua orang anak yang baligh (sampai umur) tentang harta wakaf kepada ayah dan ibu, dan perkara ini perlu dilaksanakan sebelum membahagikan harta pusaka dalam kalangan mereka.

Ayat al-Quran yang menyokong harta kesayangan untuk wakaf, Firman Allah SWT:

﴿لَن تَنَالُوا۟ ٱلْبِرَّ حَتَّىٰ تُنفِقُوا۟ مِمَّا تُحِبُّونَ﴾[41]

Maksudnya: Kamu tidak akan mendapat kebaikan sehingga kamu mendermakan sebahagian daripada harta yang kamu cintai.

Rasulullah ﷺ menegaskan kepada Abu Talhah R.A dan orang yang seumpamanya:

«بَخْ، ذَلِكَ مَالٌ رَابِحٌ، ذَلِكَ مَالٌ رَابِحٌ»

Maksudnya: Baiklah, itulah harta benda yang beruntung.

Itulah harta benda yang beruntung. Siapakah di antara hamba Allah yang tidak suka supaya harta bendanya beruntung! Wakaflah, wakaflah harta benda kamu, nescaya beruntunglah hartamu itu. Ia tetap bersamamu sewaktu hidupmu dan selepas matimu.

[41] Surah Ali-Imran ayat 92.

(12) Daripada Ibnu Mas'ud berkata, sabda Rasulullah SAW:

«أَيُّكُمْ مالُ وارِثِهِ أَحَبُّ إِلَيْهِ مِن مالِهِ؟ قالوا: يا رَسولَ اللَّهِ، ما مِنَّا أَحَدٌ إِلَّا مالُهُ أَحَبُّ إِلَيْهِ، قالَ: فإنَّ مالَهُ ما قَدَّمَ، ومالُ وارِثِهِ ما أَخَّرَ»[42]

Maksudnya: Siapakah dalam kalangan kamu yang menyayangi harta warisnya lebih daripada hartanya sendiri? Para sahabat menjawab: Wahai Rasulullah, tidak ada dalam kalangan kami yang lebih kasih kecuali hartanya sendiri. Baginda menjawab: Sesungguhnya, harta seseorang itu adalah apa yang telah ia infakkan (dibelanjakan) kepada pihak-pihak yang baik, manakala harta yang belum digunakan (tidak dibelanjakan) adalah harta ahli warisnya.

Wahai ikhwan dan akhawat yang cintakan harta benda dan faedahnya. Ingatlah, jika harta yang kamu suka simpannya di mana-mana tempat, sama ada dengan jumlah harta yang banyak dan membanggakan atau dengan jumlah harta yang sedikit yang kamu tidak berpuas hati dengannya, maka suatu hari nanti harta itu tetap akan meninggalkanmu atau kamu meninggalkannya dengan matimu, kecuali perkara yang kamu sedekahkannya akan tetap bersamamu seterusnya. Apatah lagi, sedekah jariah (wakaf) yang pahalanya tetap tidak putus dan berterusan mengalir kepada tuannya, sama ada semasa hidupnya di dunia atau selepas matinya dalam alam kubur, di padang Mahsyar dan alam akhirat kelak.

[42] Sahih al-Bukhari no.6442.

(13) Menyuburkan Pahala

«مَا تَصَدَّقَ أَحَدٌ بِصَدَقَةٍ مِنْ طَيِّبٍ، وَلَا يَقْبَلُ اللَّهُ إِلَّا الطَّيِّبَ، إِلَّا أَخَذَهَا الرَّحْمَنُ بِيَمِينِهِ وَإِنْ كَانَتْ تَمْرَةً، فَتَرْبُو فِي كَفِّ الرَّحْمَنِ حَتَّى تَكُونَ أَعْظَمَ مِنَ الْجَبَلِ، كَمَا يُرَبِّي أَحَدُكُمْ فَلُوَّهُ أَوْ فَصِيلَهُ»[43] **وفي رواية: «فَتَصَدَّقُوا»**

Maksudnya: Seseorang itu tidak hanya bersedekah dengan satu sedekah daripada hartanya yang baik, dan Allah tidak terima sedekah melainkan harta yang baik sahaja. Kecuali, Allah Ar-Rahman menerima-Nya dengan tangan kanan-Nya secara hormat. Jika, sedekah itu sekadar sebiji buah tamar sahaja, ia akan subur di dalam genggaman atau belaan Allah Ar-Rahman sehingga jadilah ia lebih besar daripada gunung. Hal ini, sama dengan seseorang yang membela atau memelihara anak kuda atau anak unta sejak dari kecilnya. Maka hendaklah kamu bersedekah!!

Begitulah kesuburan sedekah pada sisi Allah, iaitu sesuatu perkara akan bertambah subur daripada semasa ke semasa, umpama sedekah sebiji buah tamar yang kecil dapat bertambah besar jumlahnya lebih daripada gunung, Masya Allah! Al-Hamdulilah, marilah kita sama-sama memperbanyakkan bersedekah dengan harta yang baik dengan niat yang baik. Sesungguhnya, sedekah itu disuburkan Allah berganda-ganda sampai jutaan kali ganda daripada asalnya. Walillahil Hamdu wal-Manat.

[43] Sahih Muslim, no 1014.

(14) Selamat daripada api neraka

Rasulullah ﷺ pernah menyebut perkataan "neraka" beberapa kali dan baginda minta berlindung daripada Allah dengan air muka yang sangat menakutkan, seolah-olah baginda nampak neraka.

Pada suatu hari baginda bersabda:

«اِتَّقُوْا النَّارَ وَلَوْ بِشِقِّ تَمْرَةٍ، فَمَنْ لَمْ يَجِدْ فَبِكَلِمَةٍ طَيِّبَةٍ»[44]

Maksudnya: Takutlah (bertakwalah, berlindunglah) kamu daripada api neraka walaupun bersedekah dengan sejuring (sebahagian) buah tamar.

Jika kamu tidak berkuasa untuk bersedekah. Maka takutlah kamu kepada api neraka walaupun bersedekah dengan kata-kata yang baik yang menyokong segala kebaikan Islam (yang dikira sebagai sedekah atau dakwah supaya bersedekah).

Inilah didikan Rasulullah ﷺ sebagai Rahmatan Lil-Alamin (Rahmat ke Alam Sejagat). Apatah lagi kepada orang-orang mukmin supaya menjauhi diri daripada api neraka.

«اَللَّهُمَّ أَجِرْنَا مِنَ النَّارِ»

(15) Harta wakaf adalah sebaik-baik harta benda di dunia kerana ia merupakan harta daripada Allah kepada hambanya dan dipersembahkan semula kepada Allah **(لِلَّه)** yang mendatangkan berkat manfaat-Nya yang

[44] Sahih Muslim no.2016.

berpanjangan kepada hamba-Nya dan agama Islam di dunia serta mendapat ganjaran pahala yang besar di akhirat kelak. Menurut mazhab Asy-Syafie dan lain-lain bahawa harta seseorang itu apabila diwakafkannya, nescaya berpindahlah hak milik (daripada Allah kepada Allah) bukan lagi hak manusia. Masya Allah, hebatnya bank Allah taala dalam menjaga dan memberi keuntungan yang hakiki dan amat besar kepada hambanya yang menyimpan harta benda secara wakaf atau sedekah jariah di dunia. Wahai saudara saudariku yang dikasihi, wakaflah hartamu ke jalan Allah!!!

(16) Harta sedekah akan diberi ganti semuanya. Firman Allah SWT.

﴿ وَمَآ أَنفَقْتُم مِّن شَيْءٍ فَهُوَ يُخْلِفُهُۥ ۖ وَهُوَ خَيْرُ ٱلرَّٰزِقِينَ ﴾[45]

Maksudnya: Dan apabila kamu membelanjakan sesuatu perkara, maka Allah akan menggantikannya. Dan Allah adalah pemberi rezeki yang sebaik-baiknya.

(17) Hadis Qudsi yang menggalakkan supaya membelanjakan harta benda dengan jaminan akan diberi ganti. Sabda Rasulullah ﷺ:

«يَا ابْنَ آدَمَ أَنْفِقْ أُنْفِقْ عَلَيْكَ»[46]

Maksudnya: Allah taala berfirman: Wahai anak Adam (lelaki dan perempuan) belanjalah hartamu (pada jalan Allah). Sesungguhnya, aku tetap menggantikannya kepadamu di dunia dan di akhirat.

Selain itu, baginda bersabda kepada Siti Asma binti Abu Bakar Assiddiq R.A:

[45] Surah Saba', ayat 39.
[46] Sahih Muslim no. 993.

«أَنفِقِيْ وَلاَ تُحْصِيْ فَيُحْصِيَ اللهُ عَلَيْكَ، وَلاَ تُوعِي، فَيُوعِيَ اللهُ عَلَيْكِ»[47]

Maksudnya: Belanjakanlah sebahagian daripada hartamu dan bersedekahlah serta jangan kamu banyak mengira (takut begitu dan begini, sehingga kamu tidak membelanjakannya dengan baik). Hal ini kerana Allah juga menahan kelebihannya kepadamu. Dan jangan kamu simpan wang secara bakhil, kerana Allah akan menahan kelebihannya kepadamu (sebagaimana kamu menahan perbelanjaanmu kepada yang memerlukannya).

Wahai ikhwan dan akhawat yang cintakan harta dan faedahnya. Ingatlah bahawa harta yang kamu suka menyimpannya di mana-mana tempat, sama ada ianya banyak dan kamu berbangga dengannya atau ianya sedikit dan kamu belum berpuas hati dengan jumlahnya. Suatu hari nanti kamu tetap meninggalkannya. Kecuali, jika kamu bersedekah maka pahalanya akan terus bersamamu. Walaupun, kamu sudah meninggal dunia. Yang penting, jika kamu bersedekah jariah (wakaf) maka pahalanya akan terus mengalir tanpa putus, sama ada semasa hidup atau pun setelah meninggal dunia.

[47] Sahih al-Bukhari no. 2591, Sahih Muslim no. 1029.

KELEBIHAN PENDAKWAH TERHADAP WAKAF ATAU SEDEKAH

Islam adalah agama dakwah menuju rahmat. Manakala dakwah ialah usaha menyeru orang ramai supaya mewakafkan harta benda pada jalan Allah. Dengan demikian, pendakwah akan mendapat balasan ganjaran pahala yang sama dengan pahala orang yang mewakafkannya.

Firman Allah:

﴿ ٱدۡعُ إِلَىٰ سَبِيلِ رَبِّكَ بِٱلۡحِكۡمَةِ وَٱلۡمَوۡعِظَةِ ٱلۡحَسَنَةِ ﴾[48]

Maksudnya: Dakwahlah orang ramai kepada jalan tuhanmu dengan hikmat, bijaksana dan dengan pengajaran yang baik.

Firman Allah:

﴿ وَلۡتَكُن مِّنكُمۡ أُمَّةٞ يَدۡعُونَ إِلَى ٱلۡخَيۡرِ ﴾[49]

Maksudnya: Hendaklah kamu jadikan umat yang berdakwah kepada kebaikan Islam berdasarkan Al-Quran dan As-Sunnah.

Sabda Rasulullah ﷺ:

«مَنْ دَلَّ عَلَى خَيْرٍ، فَلَهُ مِثْلُ أَجْرِ فَاعِلِهِ»[50]

[48] Surah Annahlu, ayat 125.

[49] Surah Ali Imran, ayat 84.

[50] Hadis Sahih Muslim, no 1893.

Maksudnya: Sesiapa yang menunjuk jalan atau menerangkan jalan kebajikan (seperti wakaf atau sedekah). Maka baginya sama dengan mendapat ganjaran pahala sebagaimana orang yang membuat kebajikan tersebut.

Sabda Rasulullah ﷺ:

«مَنْ دَعَا إِلَى هُدىً كانَ لهُ مِنَ الأجْرِ مِثلُ أُجورِ منْ تَبِعهُ لاَ ينْقُصُ ذلكَ مِنْ أُجُورِهِم شَيئًا»[51]

Maksudnya: Sesiapa yang berdakwah kepada orang lain dengan petunjuk Islam (seperti wakaf), maka pahala baginya adalah sama dengan pahala orang yang melakukan petunjuk itu (wakaf) iaitu pahalanya tidak akan berkurang walau sedikit pun.

Pernyataan di atas menunjukkan bahawa sesiapa yang menyeru atau berdakwah kepada orang lain untuk bersedekah (sedekah jariah) atau wakaf, maka orang yang diseru atau pun orang yang menyeru (berdakwah) melakukan wakaf, sama ada dengan jumlah yang sedikit atau banyak, dengan sebab beliau mendapat maklum tentang seruan wakaf, maka kedua pihak sama ada penyeru atau pendakwah itu akan mendapat pahala wakaf harta yang sama antara keduanya tanpa kurang walau sedikit pun.

Masya Allah, itulah Islam yang merupakan agama dakwah dan rahmat daripada Allah Arhamar Rahimin Al-Ghaniyul Hamid. Dengan usaha dan tunjuk jalan tersebut menunjukkan betapa tinggi nilainya. Apatah lagi, berdakwah kepada orang ramai supaya mewakafkan hartanya pada jalan Allah. Hal ini disebabkan bagi mereka yang berdakwah atau yang

[51] Hadis Sahih Muslim, no 2674.

menunjukkan jalan mendapatkan pahala wakaf akan diberikan pahala sama banyak dengan pahala orang yang mewakafkannya scara berterusan sebelum dan selepas meninggal dunia iaitu di dunia dan di akhirat.

Untuk sesiapa yang tidak mempunyai harta yang banyak untuk wakaf. Apabila mereka melihat orang lain memberi harta wakaf dengan banyak, maka hendaklah mereka berniat dengan ikhlas hati bahawa mereka juga berkehendak untuk memberi wakaf sebagaimana pewakaf tersebut sekiranya mereka dikurniakan rezeki Insya allah. nescaya ia juga mendapat pahala sebanyak itu juga.[52] Demikianlah ajaran Allah Arhamar Rahimin dan petunjuk Rasulullah SAW Rahmatan Lil-Alamin.

[52] Lihat maksud hadis Jamik Al-Tarmizi no. 2325 Hasan Sahih.

CONTOH HARTA WAKAF MADINATUSSALAM

Madinatusslam Fatoni merupakan contoh harta wakaf yakni suatu kawasan baru yang terletak di pinggir bandar Pattani, iaitu kawasan Tenggara Mukim Bandar, wilayah Pattani. Madinatussalam merupakan suatu rancangan umat Islam Fatoni untuk membina dan memajukan masyarakat dalam beberapa perkara seperti berikut:

1. Pusat Islam yang terbesar (sebuah jamik).
2. Pusat Kesihatan dan rumah sakit (hospital) yang terbaik.
3. Pusat perumahan dan perkampungan yang aman damai.
4. Pusat perniagaan yang halal dan berkat.
5. Pusat Pengajian Tinggi, khususnya dalam jurusan sains dan teknologi, kurikulum antarabangsa: Arab, Inggeris dan lain-lain.
6. Yayasan Wakaf Madinatussalam Fatoni yang terulung di Thailand.

Kawasan Madinatussalam kira-kira lebih kurang 1,300 Rai iaitu 2,080,000 meter persegi. Insya Allah, lebih daripada separuh kawasan tersebut dijadikan wakaf (sedekah jariah) kerana Allah.

Kini, rancangan Madinatussalam Fatoni sedang memberi peluang kepada semua atau seseiapa sahaja yang ingin menyertai dan menerima saham tanah wakaf ini. Khususnya, 500 Rai bagi kawasan universiti iaitu dengan harga satu tapak (satu meter persegi) sebanyak 350 Bath, manakala harga satu Rai sebanyak 500,000 Baht. Untuk makluman, sebahagian tanah itu telah dibeli dan diwakafkan oleh para pewakaf. Antaranya, Makku Kampung Jambu mewakafkan wang dua juta (2,000,000) Baht, sejuta lima ratus ribu (1,500,000) Baht dari Teluban Saiburi wilayah Pattani, sejuta (1,000,000) Baht dari kampung Jeringa wilayah Narathiwat, pewakaf yang memberi wakaf sebanyak satu Rai setiap orang ialah YBhg. Fadilah Asy-Syeikh Haji Abdul Rahman Abdul

Latif Braol Fatoni, YBhg. Tuan Haji Muhammad Nor Matha, YBhg. Tuan Thawee Sodsong, YBhg. Tuan Syed Nasir Al-Jufri, YBhg. Tuan Haji Abdul Samad Montrathip, YBhg. Tuan Haji Worawi Makudi, YBhg. Tuan Lala Semat dan Ampuan Kham Khet, Manakala yang lain telah dibeli oleh Syarikat Patani Jaya secara hutang dengan Bank Islam sebanyak 560 Juta Baht. Setelah hutang tersebut dibayar kepada Bank Islam, barulah tanah itu akan diserahkan kepada Yayasan Wakaf Madinatussalam Fatoni untuk urusan seterusnya. Wallahul Muwaffiq.

Sehubungan dengan itu, pembangunan Pasaraya Asean Mall merupakan wakaf pelaburan di atas tanah yang di wakafkan di Madinatussalam. Wang yang dilaburkan oleh para pelabur digunakan untuk membina dan menjayakan projek peningkatan ekonomi melalui sebuah pasaraya. Manfaat Asean Mall cukup banyak. Ia membuka banyak peluang pekerjaan dan perniagaan kepada penduduk setempat. Malah penduduk Asean seperti Malaysia, Thailand, Indonesia, Laos dan negara- negara Asean lain turut mendapat manfaat Asean Mall sebagai pintu masuk perdagangan antara negara-negara Utara dan Selatan Pattani. Pulangan dari keuntungan sewaan dan perniagaan dinikmati oleh badan wakaf dan juga pelabur-pelabur Asean Mall.

Gabungan antara projek wakaf dan komersil di Madinatussalam Pattani juga merupakan contoh projek kreatif yang membawa manfaat ummah. Kedai dan perumahan yang dibina dalam Madinatussalam juga memberi pulangan keuntungan kepada badan wakaf dan para pelabur komersil.

Semoga kita semua berdoa dengan doa berikut:

اللَّهُمَّ اجْعَلْ مَدِينَةَ السَّلاَمِ فَطَانِي مَدِينَةً آمِنَةً عَامِرَةً مُبَارَكَةً مَعْمُورَةً إِلَى يَوْمَ الدِّيْنِ يَا رَبَّ الْعَالَمِيْنَ".

Maksudnya: Ya Allah, jadikanlah Madinassalam Fatoni sebuah kota yang aman, maju jaya, diberkati dan dimajukan dengan berbagai-bagai rahmat dan berkat sehingga hari kiamat. Wahai tuhan sekalian alam.

KESIMPULAN DAN SARANAN

Secara keseluruhannya, inilah hakikat pelaburan harta wakaf yang sangat beruntung menurut syariat Islam. Perbincangan tentang wakaf pelaburan; dapat penulis simpulkan seperti berikut:

1) Wakaf ialah syariat Allah dan sunnah Rasulullah ﷺ yang sangat mulia. Maka, umat Islam perlu mempelajari, memahami dan menghayati wakaf dengan baik. Hal ini kerana wakaf adalah sebaik-baik harta sedekah dan sebanyak-banyak manfaat harta benda di dunia dan di akhirat.
2) Wakaf merupakan harta pelaburan asal dalam Islam yang bersifat kekal dan berkat. Keuntungannya amat besar di dunia dan di akhirat.
3) Kepada setiap muslimin dan muslimat digalakkan berlumba-lumba memberi wakaf, sama ada dalam bentuk iqar; iaitu harta benda yang tetap seperti kebun dan telaga, atau dalam bentuk perkara yang boleh berpindah seperti kenderaan, mushaf, buku-buku bacaan, alat-alat pendidikan seperti meja, kerusi, bekas bekalan air dan alat-alat dakwah seperti kereta, motosikal, komputer dan wakaf wang tunai. Sekurang-kurangnya berusaha mengangkat syiar **satu keluarga satu wakaf**, walaupun sekadar saham (modal) yang sedikit.
4) Kepada para pemimpin, para guru, para dai, para imam dan para khatib diseru supaya masing-masing berusaha menerangkan hakikat wakaf kepada masyarakat serta menggalakkan masyarakat supaya bersungguh-sungguh dalam memberi saham (modal) terhadap rancangan wakaf, khususnya para guru, para pelajar dan ahli

universiti supaya mengadakan aktiviti wakaf, sama ada wakaf ahli, wakaf khairi atau wakaf musytarak dan wakaf jamai di samping usaha membuat contoh yang baik kepada yang lain Insya Allah.

Para pemberi penerangan dan para pendakwah serta para penyeru wakaf sekalian akan diberi ganjaran pahala wakaf sama dengan yang mewakafkan harta kerana dakwahnya. Begitu juga pahala wakaf akan diberikan kepada orang yang bersungguh-sungguh berniat untuk memberi wakaf yang banyak sebagaimana beliau melihat pewakaf mewakafkan wang atau harta mereka yang banyak secara besar-besaran kepada Madinatussalam dan seumpamanya. Walaupun pada hari itu mereka belum mampu (belum ada kuasa) untuk memberi wakaf sebanyak pewakaf itu, tetapi suatu hari nanti mereka akan memberi wakaf sebanyak pewakaf itu.

5) Kepada semua pihak kerajaan, khususnya kerajaan Islam diseru untuk mengadakan yayasan wakaf dan perundangan negara yang mengawal harta wakaf. Usaha mengeluarkan sebahagian daripada harta wakaf negara sebagai wakaf irsad adalah untuk rancangan pembangunan dari sudut ibadat, pendidikan, kewangan dan kemasyarakatan serta anggaran belanjawan negara.

﴿بَلۡدَةٞ طَيِّبَةٞ وَرَبٌّ غَفُورٞ﴾

Maksudnya: Negara yang baik hasilnya, dan tuhan maha pengampun.

6) Kepada Nazir wakaf, sama ada individu mahupun yayasan atau negara diharap menjaga harta wakaf dengan baik dan amanah serta memajukan hasil wakaf dengan cukup aktif. Hal ini supaya terlaksana tujuan hakikat wakaf dalam menghasilkan keuntungan

yang baik dan berkat yang merupakan teras pembangunan ekonomi ummatan wahidah.

Sekian, mudah-mudahan kita semua berjaya sebagai hamba yang mewakafkan harta benda yang disayangi yang tetap berkekalan bersama kita dalam memberi manfaat dan pahala semasa hidup dan setelah kembali ke rahmatullah kelak, amin.

أَقُوْلُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ لِي وَلَكُمْ، وَأُفَوِّضُ أَمْرِي إِلَى اللهِ إِنَّ اللهَ بَصِيْرٌ بِالْعِبَادِ. وَصَلَّى اللهُ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ. سُبْحَانَ رَبِّكَ رَبِّ الْعِزَّةِ عَمَّا يَصِفُوْنَ وَسَلاَمٌ عَلَى الْمُرْسَلِيْنَ وَالْحَمْدُ للهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ.